

Headline	Nelayan tetap tolak pampasan tambak laut		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	26	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,980
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,939



Nelayan tetap tolak pampasan tambak laut

PULAU PINANG 3 Dis. - Kesemua 1,500 nelayan di kawasan perairan selatan negeri ini sebulat suara meholak pampasan yang akan diberikan Kerajaan DAP Pulau Pinang bagi sebarang kerja-kerja menambak laut di beberapa kawasan termasuk Permatang Damar Laut hingga ke Gertak Sanggul di sini.

Pengerusi Persatuan kawasan itu, Arshad Omar berkata, mereka tidak akan bersetuju dengan pemberian pampasan tersebut seterusnya membuka laluan kepada projek tambak laut untuk membentuk tiga pulau buatan di kawasan berkenaan kerana menganggapnya sebagai 'rasuah'.

Sebaliknya, tegas beliau, kumpulan nelayan berkenaan tetap bertegas dan tidak berganjak dengan pendirian supaya kerajaan negeri membatalkan cadangan tambak laut

berkenaan dan mengembalikan kawasan tangkapan ikan bagi membolehkan mereka terus mencari rezeki.

"Jika kerajaan negeri bagi pampasan itu, situasi berkenaan lebih kurang sama dengan mereka memberi rasuah supaya kita terima dan sokong projek berkenaan diteruskan.



ARSHAD OMAR

"Kita tegaskan semula pendirian menolak pampasan ini kerana mendapat maklumat kerajaan negeri sudah menghantar laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar baru-baru ini berhubung projek ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, hampir 50 nelayan bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pakar akademik dari uni-

versiti tempatan mengadakan forum bagi membincangkan masalah dihadapi golongan itu di sebuah hotel di Butterworth dekat sini.

Dalam forum itu, Pengerusi Nelayan Pulau Pinang, Nazri Ahmad menegaskan, semua nelayan di kawasan terlibat dengan projek tersebut akan menolak pampasan diberikan kerana menganggap pemberian tersebut sebagai rasuah daripada kerajaan negeri.

Mengulas lanjut, Arshad berkata, pihaknya menzahirkan perasaan kesal apabila kerajaan negeri mahu meneruskan niat melaksanakan projek berkenaan biarpun pernah mendapat 'amaran' Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Perdana Menteri kata Kerajaan Persekutuan tidak akan menyokong sekiranya projek berkenaan menjejaskan pendapatan nelayan, memang projek ini menjejaskan mata pencarian, sebab itu bantahan dibuat," katanya.